

26 AUG 2003

TIGA ANGGOTA BADAN NGO PALESTIN KUNJUNGI DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 26 Ogos (Bernama) -- Tiga wakil dari Yayasan Penjagaan Rakyat Palestin (FATA), sebuah badan bukan kerajaan dari Palestin, hari ini mengunjungi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabat Perdana Menteri di sini hari ini.

Presiden FATA Dr Mohamed El-Tawil bersama dua lagi anggota yayasan itu telah diiringi oleh Presiden Persatuan Bantuan Perubatan Malaysia (Mercy Malaysia) Datuk Dr Jemilah Mahmud.

Dr Jemilah yang ditemui pemberita kemudian berkata, dalam pertemuan itu Dr Mahathir telah dimaklumkan bahawa FATA ingin mempelajari corak pembangunan dan kehidupan rakyat di Malaysia sehingga ia menjadi negara contoh di kalangan negara Islam.

FATA yang berpejabat di Gaza terlibat dalam projek pembinaan sebuah pusat pemulihan untuk rakyat Palestin yang cacat.

Dr Jemilah berkata Mercy Malaysia bercadang melancarkan Tabung Rakyat Palestin bagi membekalkan ubat-ubatan, peralatan serta bantuan buku-buku untuk pusat berkenaan.

-- BERNAMA

RIZ MAI